

25 JUL 2002

Mahathir-Komputer

KOMPUTER: PENGELUARAN CARUMAN KWSP MUNGKIN DIPINDA ELAK PENYELEWENGAN

PASIR GUDANG, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan mungkin meminda peraturan pengeluaran caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tujuan pembelian komputer berikutan adanya kes penyelewengan dalam pengeluaran caruman itu.

Beliau berkata kerajaan tahu ada pencarum yang mengeluarkan wang dari skim pembelian komputer KWSP tetapi tidak membeli komputer.

"Kalau ia (pengeluaran wang bagi tujuan pembelian komputer) ada penyelewengan, kita kena kaji... kita tahu ada penyelewengan yang banyak," katanya pada sidang media selepas melawat Pelabuhan Johor Port Berhad di sini.

Beliau kecewa dengan sikap sesetengah pencarum KWSP yang mempunyai pemikiran cetek mengenai caruman dalam KWSP yang merupakan simpanan hari tua dan untuk masa depan mereka dan keluarga.

"Fikiran mereka hanya setakat untuk hari ini sahaja dan kalau dapat duit, dia akan rasa seronok dan dia tidak tahu masa depan esok. Sebenarnya, kita tidak suka orang gunakan wang KWSP kerana wang itu adalah untuk selepas persaraan mereka," kata beliau.

Menurutnya kerajaan menggalakkan rakyat negara ini membeli komputer dengan menggunakan wang simpanan mereka sendiri kerana harga komputer tidak mahal dan boleh didapati dengan bayaran ansuran RM50 sebulan.

"Jadi, tidak payahlah mengeluarkan wang KWSP," katanya sambil menjelaskan pengeluaran KWSP bagi membeli komputer dibenarkan berikutan rayuan pencarum yang tidak mampu berbuat demikian.

Ditanya mengenai perkembangan projek Tenaga Elektrik Hidro Bakun di Sarawak, Dr Mahathir berkata projek mega itu masih dimiliki oleh kerajaan dan beberapa syarikat antarabangsa berminat menyertai projek itu.

"Banyak syarikat antarabangsa berminat menyertai projek Bakun...projek itu dikritik wartawan asing sebagai membazirkan wang. Tetapi ahli perniagaan melihat adanya potensi besar dalam projek itu," kata beliau.

Mengenai cadangan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Aziz Nik Mat supaya dilaksanakan sistem satu parti di negara ini, Dr Mahathir menganggap cadangan itu sebagai bersifat diktator.

"Nik Aziz nak jadi diktator, dia nak satu parti sahaja yang dia boleh kawal dan dalam parti itu mungkin dia kata keputusan-keputusan mestilah dirujuk kepada ulama," kata beliau.

Menteri Besar Kelantan itu dilaporkan berkata pemerintahan satu sistem itu boleh melahirkan wakil rakyat berwawasan, berkualiti dan berakhlak mulia.

Dr Mahathir berkata kenyataan Nik Aziz itu menunjukkan pemimpin PAS itu tidak senang hati dengan dasar demokrasi yang diamalkan Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang memimpin negara.

--BERNAMA

RAM BH NAK